

Kenaikan suhu, jerebu dijangka pada Julai-September

Mei 11, 2022 @ 8:37pm



BH
ONLINE

Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangka berlaku kenaikan suhu berserta fenomena jerebu di negara ini pada Julai hingga September depan.

Ketua Pengaruhnya, Muhammad Helmi Abdullah, berkata pengaruh faktor luar seperti ribut tropika di negara berhampiran seperti Filipina boleh menyebabkan keadaan menjadi kering di Semenanjung.

"Di Indonesia, berkemungkinan berlaku kebakaran hutan kerana cuaca kering adalah tinggi dan angin akan datang dari barat daya (membawa asap) ke negara kita dalam bentuk jerebu," katanya menerusi rancangan Malaysia Petang Ini yang diterbitkan BernamaTV, hari ini.

MetMalaysia semalam mengeluarkan kenyataan berkaitan Monsun Barat Daya yang dijangka bermula Sabtu ini dan berterusan sehingga pertengahan September.

Muhammad Helmi berkata, kejadian itu akan menyebabkan pengurangan pembentukan awan hujan dan mengalami hari tanpa hujan serta menghasilkan taburan hujan yang rendah.

Bagaimanapun, beliau berkata, hujan lebat berserta angin kencang dan petir berikutnya fenomena garis badai masih boleh berlaku di pantai barat Semenanjung dan barat Sabah. – BERNAMA